

22/05/2003

NGO, kesatuan yakin pakej berkesan jana ekonomi

Shaarani Ismail

KUALA LUMPUR: Beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan kesatuan sekerja menyifatkan pakej strategi baru yang dibentangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, sebagai berkesan menjana pertumbuhan ekonomi.

Mereka juga menganggap pakej yang diumumkan Perdana Menteri itu efektif

dalam menggalakkan rakyat berbelanja.

Sebahagian besar mereka menyambut baik pengurangan caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) daripada 11 peratus kepada sembilan peratus bagi tempoh satu tahun, mulai 1 Jun ini, dan bonus setengah bulan gaji bagi kakitangan awam.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk N Siva Subramaniam, menyifatkan pakej itu sebagai satu perubahan amat ketara dan menguntungkan banyak pihak.

"Rakyat jangan hanya mengutamakan isu setengah bulan bonus saja.

Mereka

perlu melihat lebih jauh kesan perubahan yang diambil bagi merangsang semula ekonomi, khasnya pemberian lebih banyak insentif dari segi kesihatan, kebersihan, kadar faedah rendah bagi pinjaman perumahan dan kenderaan, serta pengurangan bayaran cukai," katanya.

Siva juga mahu rakyat menilai dan menerima secara positif rancangan kerajaan menurunkan caruman pekerja kepada KWSP sebanyak dua peratus.

"Langkah itu untuk menggalakkan rakyat berbelanja dan hanya bersifat sementara. Apabila ekonomi pulih, sudah pasti caruman akan dinaikkan semula kerana ia adalah simpanan masa depan pekerja...yang penting, semua

pihak perlu positif menjayakannya," katanya.

Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam (PPIM), Datuk Dr Maamor Osman,

berkata langkah kerajaan itu adalah satu tindakan proaktif dan kena pada masanya.

"Dengan langkah itu, rakyat akan mempunyai lebih wang untuk dibelanjakan. Secara tidak langsung, ini dapat menjana ekonomi dalam negara. Rakyat harus memanfaatkan peluang ini untuk berbelanja dalam negara, dengan memberi tumpuan kepada barangan tempatan. Dengan cara itu,

aliran keluar wang dapat dikurangkan," katanya

Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), tidak bersetuju dengan pengurangan caruman pekerja kepada KWSP kerana ia boleh menjejaskan simpanan hari tua pekerja.

Setiausaha Agungnya, N Marimuthu, berkata caruman sedia ada adalah simpanan wajib pekerja dan tak sepatutnya dikurangkan.

"Kerajaan boleh mengambil langkah lain dengan 'melegakan' cukai pendapatan bagi tahun 2003, 2004 dan 2005 bagi mereka yang bergaji RM5,000

ke bawah mendapat pelepasan cukai," katanya.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) pula berpendapat, pengurangan caruman KWSP tidak mendatangkan kesan terutama kepada pekerja yang berpendapatan rendah.

Presidennya, Senator Datuk Zainal Rampak, berkata pihaknya mencadangkan supaya caruman KWSP dinaikkan daripada 12 kepada 17 peratus bagi majikan dan 11 kepada 13 peratus bagi membolehkan simpanan pekerja lebih terjamin.

"Mustahil untuk menggalakkan rakyat berbelanja, lebih lagi bagi golongan berpendapatan rendah, yang hanya mendapat sedikit saja lebih daripada pengurangan itu," katanya.